SIRI CERAMAH

ARIF BUDIMAN 21

Ceramah Arif Budiman 2025

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

Ministry of Education
SINGAPORE

MALAY LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE

Februari 2025 @ MLCS 2025

Hak cipta terpelihara @ 2025 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan e-buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta e-buku ini.

Diterbitkan oleh

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Catatan

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam teks ceramah ini merupakan pendapat dan pandangan penceramah dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Mestika Puisi Melayu Tradisional:

Warisan Kesenian dan Cerminan Jiwa Melayu



Roslan Madun

Pengerusi
Akademi Syair Melayu Nusantara

Mestika Puisi Melayu Tradisional:

Warisan Kesenian dan Cerminan Jiwa Melayu

Roslan Madun
Pengerusi
Akademi Syair Melayu Nusantara

Kalau tidak kerana bulan,
    Tidaklah cahaya menerangi bumi;
Kalau tidak kerana tuan,
    Tidaklah saya berdiri di sini.

Pemuda segak memakai pending,
    Pending dipakai keris di kiri;
Saya tidak sebijak Hang Nadim,
    Ilmu sejengkal hendak diberi.

Puteri ayu di singgahsana,
    Termasyhur nama serata alam:
Puisi Melayu penuh bermakna,
Ilmu agama ada di dalam.

LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

PENGENALAN

Sasterawan NegaraDato' Dr. Anwar Ridhwan melalui SMS dari London kepada saya tanggal 16 November 2011 jam 1:00 pagi, mengulangi satu kenyataan dalam kolum beliau di akhbar Berita Harian, menyatakan "Ilmu karyawan sastera menjadi lebih lengkap jika turut mendalami prosa dan puisi tradisional yang telah membentuk teori, falsafah, rupa serta jiwa sastera moden".

Satu kenyataan yang cukup penting bagi saya secara peribadi, dan khalayak sastera di alam Melayu ini umumnya, betapa puisi tradisional wajar dominan dalam memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia. Seperti gemilangnya penggunaannya pada zaman kehebatan maritim Melayu zaman lampau. Ini sejarah yang tidak boleh disangkal, sekaligus membuktikan bahawa puisi Melayu tradisional telah lama mendunia.

Hal lni telah saya ungkapkan dalam senario filem saya "Pelayaran Sang Maestro" yang diterbitkan pada tahun 2021. Filem ini mengisahkan tentang penguasaan bahasa Melayu oleh pedagang-pedagang yang datang berniaga di Pelabuhan Melaka pada abad ke-15 atau sebelumnya. Pelabuhan Melaka ialah pelabuhan bertaraf dunia pada ketika itu. Pelabuhan ini menjadi tumpuan pedagang dari Eropah dan negara yang lain-lainnya. Tanpa penguasaan bahasa Melayu, mereka tidak dapat menguasai ekonomi dunia yang berpusat di Melaka pada ketika itu.

Pada era itulah juga syair Melayu yang kita kenali sekarang dibawa masuk oleh orang Arab ke Tanah Melayu. Ramai ahli akademik menyebut dalam kajian mereka betapa puisi Melayu tradisional banyak mendapat pengaruh Arab-Parsi, meskipun secara spesifik tidaklah diketahui, dari abad ke berapa ia dimulai. Ada kemungkinan, jauh lebih awal.

PUISI MELAYU TRADISIONAL

Dalam sejarah perkembangan sastera Melayu, puisi Melayu tradisional juga dikenali sebagai sastera lisan. Setelah berlaku inovasi dari sastera lisan ke sastera tulisan, para ilmuan sastera telah memberikan definisi dan ciri-ciri seperti yang terpakai sekarang. Sehingga kita dapat melihat wajah puisi tradisional yang sangat unik dan istimewa. Semuanya berfungsi bagi menyampaikan pendidikan dan nilai-nilai moral kepada masyarakat. Lebih dari itu, puisi tradisional juga sangat dekat dengan Al-Quran untuk membijaksanakan insan, sesuai dengan nilai manusiawi yang tinggi.

Kalau tidak kerana bulan,
    Tidaklah cahaya menerangi bumi;
Kalau tidak kerana tuan,
    Tidaklah saya berdiri di sini.

Pemuda segak memakai pending,
    Pending dipakai keris di kiri;
Saya tidak sebijak Hang Nadim,
    Ilmu sejengkal hendak diberi.

Puteri ayu di singgahsana,
    Termasyhur nama serata alam:
Puisi Melayu penuh bermakna,
    Ilmu agama ada di dalam.

Telah berabad-abad lamanya puisi tradisional terus berperanan menyampaikan nilai budaya dalam kehidupan bermasyarakat di alam Melayu. Ia juga berfungsi sebagai elemen penting dalam kegiatan seni budaya dan warisan. Dari dahulu hingga sekarang penggunaan puisi tradisional dalam kegiatan seni budaya kekal relevan. Misalnya pementasan bangsawan masih meletakkan syair dan gurindam sebagai pembuka tirai.

LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Nadiputra, tokoh bangsawan Singapura, dalam karya-karyanya masih mengekalkan syair dan gurindam. Bangsawan “Sri Wikarma Wira” yang akan dipentaskan di Studio Theater Esplanade minggu mendatang ini tidak terkecuali. Malah Nadiputra merupakan seorang seniman Singapura yang kuat mempertahankan budaya warisan, kerana baginya puisi tradisional ialah alat penting yang dapat memberi inspirasi dan impak kesenian bagi mencerdikkan masyarakat.

Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee, turut mengaplikasi puisi tradisional ke dalam banyak filem beliau. Genre seperti nazam, syair, bidalan dan peribahasa diadaptasi dengan penuh kreatif untuk mencorakkan bahasa filem yang sangat indah, menjadi ikutan dan budaya hidup rakyat Nusantara selepas ketiadaannya.

Lagu "Aci Aci Buka Pintu" dari filem Labu Labi dan lagu "Tolong Kami Bantu Kami" dari filem Tiga Abdul merupakan adaptasi yang sangat kreatif dengan memadankannya dari genre nazam, iaitu satu daripada berbagai-bagai jenis puisi tradisional. Banyak lagi puisi tradisional yang diadaptasi oleh seniman agung ini ke dalam filem-filemnya.

Dalam satu temubual di Kuala Lumpur bersama Tan Sri P. Ramlee, legenda filem Melayu itu menitip pesan berkaitan seni warisan yang berteraskan bahasa Melayu, katanya “Kalau kita tidak semaikan muzik-muzik tradisional atau asli ke dalam dada anak muda kita (merujuk seni warisan Melayu asli termasuk puisi tradisional seperti syair Melayu), nescaya di suatu hari muzik lain akan mengambil tempat, kerana di dalam dada mereka itu kosong tidak ada apa-apa”.

MELESTARIKAN PUISI MELAYU TRADISIONAL

Guru pantun saya Tuan Haji Ali Badron Haji Sabor Batu Pahat, komitmennya sungguh luar biasa bila bercakap tentang puisi tradisional terutama pantun. Dia boleh berjaga malam berjam-jam lamanya untuk berhujah tentang pantun. Menurutnya, pantun adalah tentang keintelektualan orang Melayu yang tiada tolok bandingnya.

Contoh daripada para legenda ini sudah cukup untuk saya menyatakan di sini akan peri pentingnya puisi tradisional atau puisi lama ini dilestarikan secara bersungguh-sungguh.Sesuai dengan Visi Pendidikan Bahasa Melayu Singapura yang telah menjadi teras utama perjuangan Arif Budiman, iaitu untuk membina kefasihan berbahasa serta penghayatan nilai dan budaya Melayu sambil memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Bukan belacu bukan kasa,
Kain sutera kain yang sakti;
Sastera itu mutiara bangsa,
Hendaklah jaga sepenuh hati.

Kain sutera jangan diniaga,
Berikan saja sebagai sumbangsih;
Kalau sastera tidak djaga,
Suatu masa bangsa merintih.

Dalam kajian saya sepanjang kembara ke daerah atau provinsi di Nusantara menelusuri puisi tradisional sejak tahun 2005, iaitu sudah 20 tahun lamanya, bahawa setiap karya klasik itu sangat berkait dengan agama Islam. Dalam Gurindam 12 ada ilmu tauhid, dalam Syair Perahu ada ilmu tasawuf, dalam nazam-nazam terawal karangan Mufti pertama Melaka, ada ilmu fiqah, dalam lagu rakyat ada unsur pendidikan.

Gurindam 12 Fasal Pertama – Raja Ali Haji

Barang siapa tiada memegang agama,
sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.

Barang siapa mengenal yang empat,
maka ia itulah orang yang makrifat.

Barang siapa mengenal Allah,
suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.

Barang siapa mengenal diri,
maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.

Barang siapa mengenal dunia,
tahulah ia barang yang terpedaya.

Barang siapa mengenal akhirat,
tahulah ia dunia mudarat.

Dalam untaian gurindam yang saya dendangkan itu sangat jelas tentang pengajaran ilmu tauhid atau tasawuf secara tidak langsung. Demikianlah cendekia atau ulama dahulu mengarang puisi tradisional untuk mendidik masyarakat kembali kepada Allah lewat karya mereka. Sumbangan pemikiran atau pengajaran tahap tinggi inilah yang menjadikan puisi tradisional itu penting kepada masyarakat.

Dalam hal ini, ulama terbilang Hamzah Fansuri juga mengambil pendekatan yang sama melalui syair-syair yang dikarang. Apabila kita menghayati apa yang tersirat, maka terlihatlah betapa pentingnya syair tersebut dipelajari dan dijadikan alat mencelikkan bangsa terhadap tanggungjawab insan kepada tuhannya.

Petikan Syair Perahu – Hamzah Fansuri

Inilah gerangan suatu madah,
mengarangkan syair terlalu indah,
membetuli jalan tempat berpindah,
di sanalah i'tikat diperbetuli sudah.

Wahai muda kenali dirimu,
ialah perahu tamsil tubuhmu,
tiadalah berapa lama hidupmu,
ke akhirat jua kekal hidupmu.

Hai muda arif-budiman,
hasilkan kemudi dengan pedoman,
alat perahumu jua kerjakan,
itulah jalan membetuli insan.

Perteguh jua alat perahumu,
hasilkan bekal air dan kayu,
dayung pengayuh taruh di situ,
supaya laju perahumu itu.

Nama Allah dan Rasulullah sangat dominan dalam kepengarangan puisi Melayu tradisional. Tiadalah lengkap atau sempurna sesebuah karangan syair atau gurindam, lebih-lebih lagi nazam jika tidak menyebut nama Allah. Hal ini, kerana pengarang dahulu terdiri dari golongan ulama atau cendekiawan Islam. Dalam kertas kerja saya untuk program ini telah saya huraikan tentang rima syair yang sinonim dengan beberapa surah dari Al-Quran. Menjadikan karya tersebut beridentitikan budaya Islam yang kita pegang.

Jika meraut rotan sebelah,
Rautlah jangan dikerat-kerat,
Jika tak menyebut nama Allah,
Segala perkerjaan tiadalah berkat,

Jika meraut rotan sebelah,
Raut juga sebelah lagi,
Jika tak menyebut Rasulullah,
Tentulah tiada syafaat dicari.

Justeru, apabila saya mendapat undangan dari Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) untuk menyampaikan ceramah ini, saya telah membuat sedikit pembacaan tentang Visi Pendidikan Bahasa Melayu Singapura. Saya merasakan bahawa pengajaran dan pembelajaran puisi Melayu tradisional amat bertepatan dengan Visi Arif Budiman yang menekankan aspek pragmatik bahasa Melayu yang diajar di sekolah, yang menjurus kepada nilai dan kepercayaan yang merangkumi pemurnian tingkah laku pelajar, bahasa dan kesusasteraan Melayu serta budaya semasa. Secara tidak langsung, ini juga dapat membina kemahiran pelajar berfikir secara kritis, adaptif dan inventif.

Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan bahasa dan kemahiran bahasa yang merangkumi kemahiran reseptif, produktif dan interaksi. Ketiga-tiga kemahiran ini menjadi tunjang kepada pemerkasaan bahasa Melayu menuju ke puncak yang lebih tinggi. Ia wajar dihormati dan dijadikan budaya hidup. Dalam hal ini, puisi tradisional tidak boleh disisihkan kerana ia mempunyai ketiga-tiga kemahiran tersebut.

Jikalau demikian dampaknya, puisi tradisional wajarlah dominan dalam sastera moden hari ini. Ia tak sepatutnya bermain di pinggir-pinggir sahaja ketimbang puisi moden yang lebih kukuh kedudukannya dalam arus perdana. Saya difahamkan bahawa di sekolah-sekolah di Singapura, puisi tradisional tidak dilupakan. Tahniah dan saya sangat menghargainya.

EVOLUSI PUISI MELAYU TRADISIONAL

Kalau tidak kita yang mempertahankannya, tidaklah ada orang lain yang akan menggalas tanggungjawab besar ini. Dunia digitalisasi bukanlah halangan yang boleh menenggelamkan kehebatan puisi tradisional. Malah jika teknologi digunakan dengan bijaksana, nescaya puisi tradisional akan semakin ketara fungsinya. Pendirian saya dalam hal ini, ialah kita perlu bersahabat dengan teknologi supaya puisi tradisional menjadi lebih dominan dan mendunia.

Semua disiplin seni budaya dan warisan pasti melalui evolusinya yang tersendiri. Sama ada kita suka atau sebaliknya, teknologi tetap berkembang, dan dalam konteks ini aplikasi demi aplikasi akan menghilang dan menjelma. Kita hanya perlu menjadi orang pintar menggunakannya, untuk membawa puisi tradisional ke dunia maya, di situlah nanti mestika puisi Melayu tradisional menjadi lebih luas pengaruhnya.

Kerja memperkasakan bahasa Melayu secara tradisi telah pun dimulakan oleh cendekia terdahulu, melalui karya-karya agung yang sangat interaktif dan inovatif. Nama-nama besar yang saya sebutkan di atas menjadi bukti kukuh betapa bahasa Melayu yang diperjuangkan dapat kita nikmati keluhurannya. Ini semua demi hayat bahasa Melayu yang tidak boleh mati di alam Melayu khususnya di Malaysia, Indonesia dan Singapura tempat ia bertapak kukuh.

Puisi tradisional wajar diberi ruang yang adil dalam pembangunan sastera di Singapura ini. Janganlah hendaknya ia tinggal sebagai bahan pertandingan, atau sekadar persembahan menghiasi majlis-majlis tertentu, sedangkan hakikat keberadaannya dalam dunia sastera tidak diambil kira, ini kerana puisi tradisional seperti pantun, ialah gambaran jiwa dan nurani bangsa yang bermaruah.

Orang mengail membawa joran,
Dapat belida sepuluh kati;
Di dalam sastera sarat pengajaran,
Menjadikan bangsa bijak bestari.

Kalau boleh kupancang halaman,
Kayu dan buluh tegak di situ;
Kalau boleh kupinjam bulan,
Jadi penyuluh puisi Melayu.

PERANAN GURU

Para guru juga perlu menguasai puisi tradisional dengan baik supaya genre ini dapat diajar dan diwariskan kepada pelajar. Tanpa generasi penyambung, dikhuatiri sastera klasik ini akan hilang ditelan zaman. Para pelajar atau generasi muda perlu diberi pengetahuan dan pendedahan tentang peri pentingnya mempelajari dan menghayati nilai tinggi yang terdapat dalam puisi tradisional. Ini kerana puisi tradisional boleh membentuk akal budi pengamalnya seperti yang dipraktikkan dalam masyarakat Melayu dahulu.

Strategi atau kaedah yang diamalkan oleh karyawan-karyawan terdahulu itu boleh menjadi contoh teladan kepada guru-guru atau karyawan masa kini untuk bersama-sama menghidupkan atau merelevankan puisi tradisional dalam kegiatan seni budaya semasa. Dengan cara ini ia bukan saja menjadi evolusi kepada perkembangan yang dicita-citakan, tetapi menjadi teras kepada perjuangan bahasa Melayu untuk kekal disantuni dan dihormati.

Puisi tradisional merupakan jati diri orang Melayu khususnya. Ia mesti dipertahankan sampai bila-bila. Dalam sejarah perkembangannya pula, telah terbukti bahawa puisi tradisional turut menjadi alat perpaduan dan jati diri bangsa Melayu. Contohnya Gurindam 12, telah dapat membina masyarakat yang harmonis dan berbudi pekerti di Pulau Penyengat zaman itu khususnya dan di alam Melayu amnya. Pesan-pesan yang diungkapkan menjadi benteng akhlak kepada masyarakat.

Justeru, puisi Melayu tradisional wajar menjadi mata pelajaran penting di sekolah-sekolah sebagai usaha mendidik generasi muda untuk menjadi insan yang berpekerti mulia. Ini kerana dalam puisi tradisional ini terselit nilai-nilai kehidupan yang suci murni yang wmenjadi pegangan masyarakat zaman dahulu.

PUISI TRADISIONAL SEBAGAI WARISAN BANGSA MELAYU

Puisi Melayu tradisional juga boleh menjadi identiti bangsa kerana originalitinya yang tidak ada pada bangsa lain. Pantun, syair, gurindam, nazam dan seloka misalnya adalah hak mutlak orang Melayu, yang menjadi kebanggaan di alam Melayu ini dan harus dikenalkan kepada para pelajar. Puisi tradisional mampu menjadi duta budaya ke peringkat global. Ini dibuktikan dengan lagu-lagu rakyat yang juga merupakan jenis puisi tradisional yang mendunia sekarang ini. Malah pantun telah pun diiktiraf oleh UNESCO.

Usaha Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) menganjurkan siri Ceramah Arif Budiman ini merupakan salah satu usaha murni untuk melestarikan puisi Melayu tradisional supaya terus bersinar dan bergemerlapan di persada dunia sastera. Saya sangat yakin bahawa usaha begini ialah jalan terbaik untuk membijaksanakan bangsa Melayu melalui penerapan nilai-nilai murni dalam karya-karya sastera genre ini. Ia wajar disokong.

Kalau tidak beli berangan,
Tidaklah tahu rasa enaknya,
Kalau tidak diberi sokongan,
Mestika Melayu hilang maruahnya.

Kalau tidak sauh diangkat,
Layar terkembang tidak berguna,
Kalau tidak martabatnya diangkat,
Mestika hilang tak tinggal nama.

Usaha penganjuran Siri Ceramah Arif Budiman ini juga merupakan satu perjuangan yang besar ertinya kepada pengembangan bahasa Melayu di rantau ini. Program ini akan tercatat dalam tinta sejarah yang akan dibaca oleh generasi akan datang. Semangat dari program besar ini pasti memancarkan kesedaran kepada mereka untuk meneruskan perjuangan murni ini. Percayalah bahawa segala pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan semua akan menjadi azimat untuk mereka mempertahankan bahasa Melayu sampai bila-bila.

LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

PENUTUP

Saya percaya bahawa setiap usaha yang baik pasti akan membawa kebaikan jua. Dalam hal ini saya ingin memetik satu ungkapan yang ditulis oleh Jihaty Abadi dalam buku catatan di rumah Budayawan Negara Pak Z atau Zakaria Hitam lebih 35 tahun lampau, berbunyi "Buatlah sesuatu dengan berfikir, nanti anda akan memperoleh sesuatu yang tak terfikir".

Akhirul kalam,

Pohon meranti pohon tualang,
Lebat di dahan buah kuini;
Gembira hati bukan kepalang,
Bertemu sekalian yang ada di sini,

Kain kasa warnanya gelap,
Pakaian sahaya turun temurun;
Kasar bahasa salah dan silap,
Ampunkan saya sebelum turun.

Sekian sahaja perkongsian saya untuk Bahagian Pertama. Terima kasih.

Setia Ecohill
Kuala Lumpur
13 Februari 2025

LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Slaid Penyampaian Ucaptama

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

Ministry of Education
SINGAPORE

MALAY LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE

Mestika Puisi Melayu Tradisional: Warisan Kesenian dan Cerminan Jiwa Melayu

BAHAGIAN 1

Tuan Roslan Madun
Pengerusi
Akademi Syair Melayu Nusantara

Ceramah Arif Budiman

PENGENALAN

"Ilmu karyawan sastera menjadi lebih lengkap jika turut mendalami prosa dan puisi tradisional yang telah membentuk teori, falsafah, rupa serta jiwa sastera moden"

Sasterawan Negara, YBhg Dato' Dr. Anwar Ridhwan
16 November 2011



Sumber: Dewan Bahasa & Pustaka

- Puisi Melayu tradisional wajar dominan dalam memperkasakan bahasa Melayu
- Penggunaan bahasa Melayu begitu gemilang pada zaman maritim Melayu zaman lampau

➔ puisi Melayu tradisional telah lama mendunia

Ceramah Arif Budiman

Kepentingan Pelabuhan Melaka Pada Abad Ke-15

- Pelabuhan bertaraf dunia
- Para pedagang perlu menguasai bahasa Melayu supaya dapat berurus niaga
- Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia
- Puisi Melayu tradisional yang banyak mendapat pengaruh Arab-Parsi dibawa masuk oleh orang Arab ke Tanah Melayu



Sumber: eCentral.my

PUISI MELAYU TRADISIONAL

- Puisi Melayu tradisional juga dikenali sebagai sastera lisan
- Berperanan untuk:
  - menyampaikan pendidikan & nilai-nilai moral
  - membijaksanakan insan
  - menyampaikan nilai budaya
  - elemen penting dalam kegiatan seni budaya & warisan

Ceramah Arif Budiman



"Kalau kita tidak semaikan muzik-muzik tradisional atau asli ke dalam dada anak muda kita (merujuk seni warisan Melayu asli termasuk puisi tradisional seperti syair Melayu), nescaya di suatu hari muzik lain akan mengambil tempat, kerana di dalam dada mereka itu kosong tidak ada apa-apa".

Tan Sri P. Ramlee
dalam Satu Temubual di Kuala Lumpur

MELESTARIKAN PUISI MELAYU TRADISIONAL

- Tuan Haji Ali Badron Haji Subor – *pantun adalah tentang keintelektualan orang Melayu yang tiada tolok bandingnya*

- Perlu untuk melestarikan puisi tradisional bersesuaian dengan Visi Pendidikan Bahasa Melayu Singapura

> Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dipandu oleh Visi Arif Budiman – insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat, dan dirancang berdasarkan keperluan konteks kehidupan pelajar di Singapura.

Sumber: Sukatan Pengajaran & Pembelajaran BM Sekolah Menengah (2021)

Ceramah Arif Budiman



Raja Ali Haji Raja Haji Ahmad

- Gurindam Dua Belas oleh Raja Ali Haji mengandungi ilmu tauhid ➔ mendidik masyarakat agar dekat kepada Allah



Gurindam 12 yang tercatat dalam Bangunan Makam Raja Hamidah di Pulau Penyengat Kepulauan Riau




Syeikh Hamzah Fansuri

- Syair Perahu ➔ mencelikkan bangsa terhadap tanggungjawab insan kepada tuhannya

Ceramah Arif Budiman

- Bertepatan dengan visi Arif Budiman
- Para pelajar harus dilengkapi dengan Pengetahuan Bahasa & Kemahiran Bahasa (reseptif, produktif & interaksi)
- Puisi tradisional tidak boleh disisihkan kerana mempunyai ketiga-tiga Kemahiran Bahasa yang disebutkan



Sumber: Sukatan Pengajaran & Pembelajaran BM Sekolah Menengah (2021)

EVOLUSI PUISI MELAYU TRADISIONAL

- Dunia digitalisasi bukan penghalang yang boleh menenggelamkan kehebatan puisi tradisional
- Memanfaatkan teknologi untuk menyerlahkan lagi fungsi puisi Melayu tradisional agar menjadi lebih dominan dan mendunia
- Bijak mengetengahkan puisi tradisional ke dunia maya supaya mestika puisi Melayu tradisional menjadi luas pengaruhnya





Ceramah Arif Budiman

Memperkasakan bahasa Melayu dan Puisi Melayu Tradisional

- Bahasa Melayu harus terus hidup di alam Melayu
- Puisi Melayu Tradisional wajar diberi ruang yang adil dalam pembangunan sastera di Singapura
- Keberadaan puisi tradisional ialah gambaran jiwa dan nurani bangsa yang bermaruah



Sumber: Harakahdaily

PERANAN GURU

- Guru perlu menguasai puisi tradisional dengan baik
- Generasi penyambung perlu agar sastera klasik tidak hilang ditelan zaman
- Para pelajar perlu dididik tentang kepentingan mempelajari dan menghayati nilai tinggi puisi tradisional
- Puisi tradisional boleh membentuk akal budi pengamalnya seperti yang dipraktikkan dalam masyarakat Melayu dahulu

Ceramah Arif Budiman

- Para guru boleh mencontohi strategi atau kaedah yang diamalkan karyawan-karyawan terdahulu untuk merelevankan puisi tradisional dalam kegiatan seni budaya semasa agar:
  - menjadi evolusi kepada perkembangan yang dicita-citakan; dan
  - menjadi teras kepada perjuangan bahasa Melayu untuk kekal disantuni dan dihormati
- Puisi tradisional merupakan alat perpaduan dan jati diri orang Melayu yang perlu dipertahankan



Bahan-bahan Sastera yang digunakan dalam Pengajaran & Pembelajaran BM di Singapura

- Puisi Melayu tradisional wajar menjadi mata pelajaran penting di sekolah-sekolah sebagai usaha mendidik generasi muda untuk menjadi insan yang berpekerti mulia
- Puisi tradisional ini terselit nilai-nilai kehidupan yang suci murni menjadi pegangan masyarakat zaman dahulu

Ceramah Arif Budiman


PUISI TRADISIONAL SEBAGAI WARISAN BANGSA MELAYU

- Puisi Melayu tradisional boleh menjadi identiti bangsa kerana originalitinya yang tidak ada pada bangsa lain
- Puisi Melayu tradisional mampu menjadi duta budaya ke peringkat global
- Perlu ada usaha untuk melestarikan puisi Melayu tradisional dan pengembangan bahasa Melayu cth: Siri Ceramah Arif Budiman

PENUTUP

"Buatlah sesuatu dengan berfikir, nanti anda akan memperoleh sesuatu yang tak terfikir"

Budayawan Negara, Datuk Haji Zakaria Hitam



Ceramah Arif Budiman

Mestika Puisi Melayu Tradisional: Warisan Kesenian dan Cerminan Jiwa Melayu

BAHAGIAN 2

Tuan Roslan Madun
Pengerusi
Akademi Syair Melayu Nusantara

PENGENALAN

- Puisi terbahagi kepada dua:
  - iaitu puisi moden - sajak
  - puisi tradisional – pantun, syair, gurindam, nazam dan seloka
- Perbincangan akan bertumpu pada:
  1. Gurindam
  2. Seloka
  3. Nazam
  4. Syair
  5. Pantun
  6. Lagu Rakyat

Ceramah Arif Budiman

1. GURINDAM

DEFINISI GURINDAM

- Gurindam terjadi dari sebuah kalimat majmuk, dibahagi menjadi dua baris yang bersajak:
  - baris pertama dikenali sebagai unit “syarat”
  - baris kedua dikenali sebagai unit “jawab”, atau juga disebut “sebab” dan “akibat”
- Isi Gurindam 12 mengandungi nasihat agama, atau lebih tepat menyampaikan ilmu tauhid

Ceramah Arif Budiman

CIRI-CIRI GURINDAM

- Dua baris serangkap, rima hujung sama bunyi
- Tiga hingga enam patah perkataan, dan lapan hingga dua belas suku kata.(Terdapat juga gurindam yang tidak menepati teori ini)
- Berisikan pernyataan yang serius untuk memberikan pengajaran
- Memerlukan beberapa rangkap untuk melengkapkan keseluruhan idea
- Jumlah rangkap dalam seuntai gurindam tidak ditentukan

IRAMA GURINDAM

Dua irama gurindam yang terkenal;

1. Lagu bangsawan yang dipopularkan oleh

   Rohani B, penyanyi bangsawan

2. Lagu Melaka yang diperkenalkan oleh

   Md Ali Bachik, Melaka



Ceramah Arif Budiman

IRAMA BANGSAWAN

Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,
Yang tahukan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiawan.

2. SELOKA

Ceramah Arif Budiman

DEFINISI SELOKA

- Seloka bererti berseloroh, berjenaka atau menyindir
- Puisi yang paling tua dalam kesusasteraan Melayu
- Seloka lebih merupakan pepatah, bidalan, atau perumpamaan yang mengandungi unsur jenaka, gurau senda, ejekan atau sindiran, namun isinya mengandungi sindiran yang menjadi pengajaran dan teladan
- Ada seloka ditulis dalam bentuk terikat iaitu empat baris serangkap, dan ada juga yang ditulis dalam bentuk bebas, setiap baris menjadi isi puisi berkenaan

CIRI-CIRI SELOKA

- Merupakan puisi bebas, tidak terikat dengan baris dan rangkap
- Memakai pertentangan bunyi rima di hujung yang bebas
- Mengandungi unsur sindiran disampaikan dalam bentuk jenaka atau gurau senda.
- Digunakan untuk menyindir sambil mengajar

Ceramah Arif Budiman

IRAMA SELOKA



- Seloka tidak datang dengan irama, sebaliknya diberikan melodi oleh penyampainya @ Penglipur Lara

SELOKA EMAK SI RANDANG

Baik budi emak Si Randang

Dagang lalu ditanakkan

Tiada kayu rumah diruntuhkan

Anak pulang kelaparan

Anak di pangku diletakkan

Kera di hutan disusui

Dagang pergi awak terhutang

Beras habis padi tak jadi

Ceramah Arif Budiman

3. NAZAM

DEFINISI NAZAM

- Dikatakan mendapat pengaruh Arab
- Penyebarannya meluas di Pahang, Terengganu, Perak, Johor dan Melaka
- Di Melaka, nazam diperkenalkan oleh Mufti pertama, dua lagu yang terkenal ialah tanjung dan Serkam
- Pada zaman dahulu, digunakan untuk mengembangkan ajaran Islam

Ceramah Arif Budiman

CIRI-CIRI NAZAM

- Dua baris serangkap
- Skima rima hujung tidak mempunyai pola tertentu, ada yang sama dan ada yang tidak sama
- Mengandungi 5-6 patah perkataan dan 10-12 suku kata sebaris, namun jumlahnya tidak tetap
- Ada nazam mengandungi 4 baris serangkap
- Isi asal adalah tentang ilmu fiqah

IRAMA NAZAM

- Secara umumnya monotonus (senada) dari awal hingga akhir
- Dipercayai irama dan senikata nazam dicipta sekaligus
- Dicipta oleh guru-guru agama yang mengajar agama Islam

Ceramah Arif Budiman

NAZAM HATI MULIA

Elok kata murni jiwa harum budi
Hidup kita penuh makna orang sudi
Elok paras banyak harta jika keji
Tiada siapa ingin dekat kita rugi
Hai saudara jangan sombong tinggi diri
Hidup jadi sia-sia tak bererti

Elok tingkah perbuatan hati mulia
Itulah tanda orang budiman orang suka
Elok perangai tidak dengki iri hati
Hidup damai sana sini orang rai
Hai saudara insaf diri buat kebaikan
Jangan lalai sampai lupa pada Tuhan

4. SYAIR

Ceramah Arif Budiman

DEFINISI SYAIR

- Syair merupakan bentuk puisi tradisional ciptaan dan kepunyaan orang Melayu yang mendapat pengaruh Arab-Parsi
- Kata syair berasal dari istilah Arab sh'ir yang bererti puisi dan sha'r bererti pengarang, penyair, penyajak
- Bentuk syair dipercayai diperkenalkan dan dikembangkan oleh Hamzah Fansuri (tahun 1606-1636)


CIRI-CIRI SYAIR

- Empat baris serangkap
- Setiap baris sekitar tiga hingga lima patah perkataan
- Setiap baris sekitar lapan hingga dua belas suku kata
- Keempat-empat baris ialah kesatuan idea, tapi tidak dapat berdiri sendiri
- Isinya bercorak cerita atau huraian panjang sesuatu subjek @ cerita, dengan bahasa padat dan indah.
- Selalunya mengenai kisah percintaan, keagamaan, falsafah, pengajaran dan sebagainya

Ceramah Arif Budiman

IRAMA-IRAMA SYAIR

- Tahun 2005 lahir album "Puisi Tradisional Gurindam Syair Nazam Seloka" Roslan Madun
- Antara pakar tujuk bagi memperoleh irama syair ini ialah:
  - Idawati (Pekanbaru)
  - Usup Bangsi (Tanjungbalai Asahan)
  - Akhyar Murni (Babussalam)
  - Sharifah Khatijah (Daik Lingga)
  - Hajah Aminat Ali (Pahang)
  - Rogayah Hamid (KL)
  - Inderawati & Kumpulan Penyelidik UM
  - Cikgu Ali Bachik (Melaka)
  - Cikgu Ali Badron (Batu Pahat)





Pendendang Syair Daik Lingga (tudung hitam) Sharifah Khatijah

ANTARA IRAMA-IRAMA SYAIR

1. Tambang Siti Zubaidah (Brunei)
2. Tambang Bengawan (Brunei)
3. Tambang Beranyut (Brunei)
4. Tambang Berunggai Lanjar (Brunei)
5. Tambang Si Mercu Gunung (Brunei)
6. Irama Dandan Setia (Daik Lingga)
7. Irama Burung (Daik Lingga)
8. Irama Variasi Kepulauan Riau (TP)
9. Irama Kepulauan Riau (TP)
10. Irama Perang (Pekanbaru)
11. Irama Burung (Pekanbaru)
12. Irama Kapal (Pekanbaru)
13. Irama Senandung Asahan (TBA)
14. Irama Seranggah (TBA)
15. Irama Didong (TBA)
16. Irama Qasidah Asahan (TBA)
17. Irama Munajat (Stabat)
18. Irama Siti Zubaidah versi Stabat (Stabat)
19. Irama Selendang Delima (Langkat)
20. Irama Dendang Langkat (Langkat)

Ceramah Arif Budiman

ANTARA IRAMA-IRAMA SYAIR

21. Irama Ahoi (Basilam)
22. Irama Senandung (Basilam)
23. Irama Tu'kutur Balam (Medan)
24. Irama Berdangai (Medan)
25. Irama Senandung (Medan)
27. Irama Perang (Pekanbaru)
28. Irama Burung (Pekanbaru)
29. Irama Surat Kapal (Pekanbaru)
30. Irama Nandung (Medan)
31. Iramaa Malalak (Pekanbaru)
32. Irama Rawi (Dumai)
33. Irama Berghondak (Dumai)
34. Irama Kapal (Dumai)
35. Irama Berdindung (Dumai)
36. Irama Mengayun (Dumai)
37. Irama Bergamboh (Dumai)
38. Irama Mayang Diumbuk (Dumai)
39. Irama Dodoi Anak (Makassar)
40. Irama Manda Bug**is** (Makassar)

ANTARA IRAMA-IRAMA SYAIR

41. Hiasan (Indrawati UM)
42. Perindu (Indrawati UM)
43. Dodoi (Indrawati UM)
44. Pekanbaru (Indrawati UM)
45. Pucuk Kelumpang (Indrawati UM)
46. Tok Kenali (Mariam Che Lah Kelantan)
47. Perantau (Indrawati UM)
48. Bilal Othman (Indrawati UM)
49. Mayang (Tn Haji Ali Badron Hj Sabor)
50. Siti Zubaidah versi Johor (Zarina Saamah)
51. Seloka Jawi (Zarina Saamah)
52. Gurrindam Berlapis (Zarina Saamah)
53. Rohani B 1
54. Rohani B 2
55. Hajah Aminah Ali 1
56. Hajah Aminah Ali 2

Ceramah Arif Budiman

SYAIR RAKIS (4 RANGKAP PERMULAAN)

Bismillah itu mula karangan,
gurindam bayu nama timangan,
kisah rencana dagang buangan,
nestapa lara di gunung larangan.

Membawa nasib untung sendiri,
meninggalkan rumah anak isteri,
masuk segenap desa dan negeri,
seperti orang hendak mencari.

Di gunung larangan asmara guna,
menyamar jadi papa kelana,
segenap desa pantai saujana,
membawa nasib tiada berguna.

Seperti burung lepas tangkapan,
terbangnya tiada lagi hinggap hinggapan,
bunga dan buah tiada dimakan,
daripada bagas kemasygulan.

.

5. PANTUN

Ceramah Arif Budiman

PANTUN

- Kearifan Melayu dalam pantun bukan saja terungkap pada isinya, tapi lebih kepada pembayang atau sampirannya
- Sampiran sama penting dengan isi pantun, tanpa sampiran yang bermutu akan mengurangkan keindahan serta keintelektualannya
- Allahyarham Tuan Haji Ali Badron Haji Sabor, Batu Pahat, seorang tokoh pantun yang terkenal mengariskan tiga elemen penting dalam sampiran pantun

CIRI-CIRI PANTUN YANG BAIK

Menurut Tuan Haji Ali Badron Haji Sabor, pantun yang baik, pembayangnya mengandungi tiga perkara;

1. Unsur pendidikan
2. Persekitaran yang logik
3. Andaian yang munasabah



Roslan Madun bergambar bersama Tuan Haji Ali Badron Haji Sabor

Ceramah Arif Budiman

ILMU @ PENDIDIKAN DALAM PEMBAYANG PANTUN

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan;
Sungguh pun jauh beribu batu,
Hilang di mata di hati jangan.

ILMU @ PENDIDIKAN DALAM PEMBAYANG PANTUN

- Sampiran pantun ini mempunyai ilmu perubatan
- Menurut Sabri Yunus, seorang pengarah filem dan penggiat seni: pucuk pauh jika diramas dengan pucuk delima batu, akan menjadi ubat mujarab jika disengat ikan sembilang
- Pokok delima batu ini terdapat di Kelantan, yang membawa kemungkinan asal pantun ini dari sastera lisan orang Kelantan
- Selain unsur ilmu (perubatan) dalam sampiran pantun tersebut, kedua-dua baris sampirannya mempunyai pertalian cerita, iaitu tentang penyakit dan ubatnya

Ceramah Arif Budiman

ANDAIAN MUNASABAH DALAM PEMBAYANG PANTUN



Karat besi dimakan tanah,
Tiadalah lagi ia berharga;
Hinanya diri di sisi Allah,
Apa lagi hendak dibangga.

ANDAIAN MUNASABAH DALAM PEMBAYANG PANTUN

- Andaian dalam sampiran pantun, mestilah sesuatu yang tidak mustahil berlaku
- Cerita dalam sampiran pantun tidak boleh sebuah rekaan yang tak masuk akal atau yang jelas menyalahi hukum alam
- Adalah menjadi pelanggaran etika kepengarangan pantun jika semata-mata ingin menjaga rima, sehinggakan cerita dalam sampiran pantun tidak masuk akal

Ceramah Arif Budiman

BUDAYA LUHUR DALAM PANTUN

- Menyantuni pertuturan jadi budaya yang subur segar dalam kehidupan
- Keelokan budi, kesantuan pekerti dan kerendahan hati jelas dirakamkan dalam bait-bait pantun, misalnya;

Buah ara, batang dibantun,
Mari dibantun dengan parang,
Hai saudara dengarlah pantun,
Pantun tidak mengata orang.

(Puisi Lama, 1948 ms 15)

BUDAYA LUHUR DALAM PANTUN

- Pantun ini menunjukkan kerendahan hati si pemantun
- Perkataan *saudara* itu membuktikan mereka ialah masyarakat yang mempunyai hubungan persaudaraan
- Sampiran atau pembayang yang menggunakan alam seperti *buah ara*, sejenis buah yang terkenal di kampung-kampung Melayu, perbuatan *bantun*, iaitu mencabut dengan parang itu juga tingkah budaya dalam lingkungan kehidupan orang Melayu

Ceramah Arif Budiman

KHAZANAH PANTUN MELAYU RIAU OLEH TENAS EFFENDY

Sejak tikar menjadi kain,
dibawa melenggang terasa sakit;
Sejak ular jadi pemimpin,
banyaklah orang yang kena belit.

Bagaimana jala tidak 'kan koyak,
jala direntang kaki terpuruk;
Bagaimana kepala tidak 'kan botak,
mentua garang bini perajuk.

Daripada tikus eloklah pelanduk,
pelanduk dapat berjalan malam;
Daripada kurus eloklah gemuk,
gemuknya dapat dibuat tilam.

Daripada cincin eloklah rantai,
rantai dibuat penghias diri;
Daripada licin eloklah bermisai,
misainya dapat penapis kopi.

6. LAGU RAKYAT

Ceramah Arif Budiman

LAGU RAKYAT

Genre puisi tradisional

- Liriknya merupakan pantun
- Tema berunsur cerita-cerita rakyat, nasihat agama, pendidikan moral
- Biasanya dinyanyikan hanya menggunakan satu alat muzik pengiring

LAGU RAKYAT

- ❖ Lagu Rakyat Kontemporari berkembang pada abad ke-19
- ❖ Menggunakan alat-alat muzik moden
- ❖ Dirakam menggunakan teknologi ➔ dipanggil Muzik Dunia
- ❖ Persembahannya tertumpu kepada acara tertentu contohnya acara sastera dan acara bertema warisan
- ❖ Inovasi teknologi dalam lagu rakyat dari iringan alat muzik tradisi kepada alat muzik moden telah menjadikan lagu rakyat berada dalam arus perdana dan global

Ceramah Arif Budiman

WAU-WAU PEPEH

Ambilkan keris pembelah manggis,
buah rambutan lekang sendiri;
Lautan kering pulau menangis,
ikan di pantai menghempas diri.

Ambil kuini dengan pengait,
tunggulah masak untuk dibelah;
Tertangkup bumi denganlah langit,
setia tidak akan berubah.

Buah bidara gugur bertimbun,
ambilkan cupak dipilih-pilih;
Pucuknya kaca tangkainya embun,
dipandang nampak ambil tak boleh.

RUMUSAN

- Para pendidik harus berusaha menguasai puisi tradisional dengan baik agar dapat diwariskan kepada generasi muda
- Tanpa generasi penyambung, dikhuatiri sastera klasik ini akan hilang ditelan zaman
- Masyarakat harus memanfaatkan kepesatan teknologi untuk memakmurkan puisi Melayu tradisional dan memartabatkannya di persada antarabangsa

Ceramah Arif Budiman

Terima Kasih



MAYA
LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

Ministry of Education
SINGAPORE

MALAY LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE